

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN RUBIAH BINTI WANG**  
**[KOTA SAMARAHAN]**  
**TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 30**

**Y.B. PUAN RUBIAH BINTI WANG [ KOTA SAMARAHAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha-usaha memudahkan pemberian Bantuan Sara Hidup (BSH) kepada mereka yang layak terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat. BSH 2019 akan mengutamakan keluarga dengan menyediakan kadar tambahan untuk setiap orang anak berumur 18 tahun ke bawah terhad kepada 4 orang, kecuali anak OKU yang tidak dihadkan umur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran fasa kedua BSH 2019 melibatkan peruntukan sebanyak RM1.42 bilion dan memanfaatkan hampir 3.6 juta penerima BSH. Walau bagaimanapun, bagi 0.3 juta penerima BSH 2019 yang telah lulus, penyaluran bayaran fasa kedua tidak dapat dikreditkan ke dalam akaun bank mereka disebabkan bayaran gagal dikreditkan setelah nombor akaun bank yang didaftarkan tidak tepat. Bagi BSH 2019, pembayaran bagi penerima berumur 59 tahun ke bawah adalah melalui akaun bank isteri. Perkara ini telah diumumkan kepada setiap penerima BSH melalui surat makluman dan turut dipaparkan di dalam portal BSH <https://bsh.hasil.gov.my> untuk makluman umum. Namun demikian, sebilangan penerima BSH 2019 telah mendaftarkan nombor akaun bank suami dan ini mengagalkan pengkreditan akaun kerana nombor akaun tersebut bukan di bawah nama isteri. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan penerima yang gagal dikreditkan menerima pembayaran berkenaan, Bank Simpanan Nasional (BSN) telah mewujudkan akaun bank baharu secara automatik untuk penerima yang berkenaan. Maklumat akaun bank baharu boleh diketahui melalui surat makluman yang akan dikeluarkan dan dengan melayari portal BSH. Pembayaran bagi golongan tersebut telah dikreditkan terus ke akaun berkenaan mulai 14 Jun 2019.

BSN juga telah mempermudahkan proses yang terlibat di dalam pemberian BSH 2019 dengan membuka kaunter dan menempatkan kakitangan tambahan bagi memudahkan semua pihak yang membuat urusan sepanjang pembayaran BSH

**NO SOALAN : 30**

2019 di samping melanjutkan operasi harian BSN kepada hujung minggu iaitu Sabtu dan Ahad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan terus mengambil langkah proaktif dalam menangani masalah penerima BSH, khususnya jika terdapat kesulitan dalam pemberian BSH 2019. Kerajaan juga akan sentiasa memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan B40.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[SUNGAI SIPUT]**

**TARIKH : 17.7.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 31**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berkaitan keperluan lampu jalan kampung di Sungai Siput kerana terdapat keperluan yang tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), pemasangan dibuat secara berperingkat dengan had maksima pemasangan LJK bagi setiap kampung adalah sebanyak 40 unit sahaja, mengikut keperluan dan keluasan kampung.
2. Bagi Parlimen Sungai Siput, sehingga Februari 2019, Kementerian telah memasang sebanyak 2,339 unit LJK, dengan 172 unit daripadanya adalah lampu jenis *light emitting diode* (LED).
3. Kerajaan bercadang untuk meneruskan pelaksanaan projek ini dengan anggaran kos berjumlah RM50juta yang akan melibatkan anggaran pemasangan 35,000 unit lampu jalan.

4. Sekiranya masih terdapat keperluan yang tinggi bagi pemasangan LJK di Parlimen Sungai Siput, permohonan boleh dibuat melalui Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) kepada Pejabat Daerah, sebelum permohonan tersebut dikemukakan kepada Pejabat KPLB Negeri, untuk tindakan Kementerian selanjutnya dan kelulusan pemasangan adalah tertakluk kepada kuota Parlimen yang ditetapkan selaras dengan peruntukan yang diluluskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN  
NAINA MERICAN [ KEPALA BATAS ]**

**TARIKH : 17 JULAI 2019**

**SOALAN NO. 32**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan sasaran jangka pendek kejayaan sektor keusahawanan yang mampu dicapai oleh Dasar Keusahawanan Nasional (DKN).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Perancangan dan formulasi strategi di bawah Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) telah dirangka dengan mengambil kira faktor jangka pendek, sederhana dan panjang serta garis masa bagi menyusun rancangan pelaksanaan yang berkesan dengan menetapkan sasaran yang boleh diukur untuk memudahkan proses pelaksanaan, pemantauan serta penilaian.

DKN telah menggariskan lima sasaran untuk dicapai dalam dua tempoh jangka masa iaitu jangka pendek/sederhana pada tahun 2025 dan jangka panjang pada tahun 2030 bagi memastikan hasrat menjadi Negara Keusahawanan tercapai. Bagi jangka pendek/sederhana pada tahun 2025, sasaran yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- (i) memperbaiki dan melonjakkan kedudukan Malaysia dalam indeks-indeks antarabangsa berkaitan keusahawanan seperti berikut:
- (a) *Global Entrepreneurship Development Index* (GEDI) dari kedudukan ke-58 daripada keseluruhan 137 negara ke kedudukan 35 teratas;
  - (b) *Global Competitive Index* dari kedudukan ke-25 daripada keseluruhan 140 negara ke kedudukan 20 teratas;
  - (c) *World Bank Doing Business* dari kedudukan ke-15 daripada keseluruhan 190 negara ke kedudukan 10 teratas; dan
  - (d) *Global Innovation Index* dari kedudukan ke-35 daripada keseluruhan 140 negara ke kedudukan 30 teratas;
- (ii) Meningkatkan sumbangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ke 45%;
- (iii) meningkatkan pekerjaan yang dijana oleh PKS kepada 72%;
- (iv) meningkatkan sumbangan PKS kepada nilai eksport ke 25%; dan
- (v) meningkatkan sumbangan perolehan Koperasi kepada RM50 bilion.

Sekian, terima kasih.